

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

11 FEB

PTPM BOLOT HADIAH PERTAMA DAN KETIGA



PULAU PINANG, 11 Februari 2015 - Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM) Universiti Sains Malaysia (USM) membolot hadiah utama dan ketiga pertandingan Youtube Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat (BJIM) –USM.

Video pendek berdurasi 3.01 minit hasil idea kreatif Pensyarah PTPM, Profesor Madya Dr Zarina Samsudin yang bertajuk iPad untuk Orang Kelainan Upaya (OKU) berjaya menarik perhatian juri pertandingan dan membawa pulang wang tunai RM1000 dan sijil penyertaan.

“Video tersebut terhasil daripada Kelas Komputer untuk Warga Emas yang dianjurkan oleh PTPM sejak lima tahun lalu,” ujar Zarina.





“Kelas tersebut turut disertai oleh seorang OKU iaitu Seha Bakar yang berumur 52 tahun yang ingin sangat menggunakan iPad walaupun cacat kedua-dua belah tangan,” tambah Zarina yang juga memenangi tempat ketiga melalui video bertajuk Building Bridges Across Generations Project dan membawa pulang wang tunai RM500.00.

“Hasil daripada kelas tersebut dan penggunaan iPad yang didermakan, Seha yang dahulunya malu untuk bergaul dengan orang ramai mula berubah sikap ke arah yang lebih positif,”ujar Penerbit Rancangan PTPM merangkap Penerbit Video, Ayda Fatahiah Abd Malek ketika ditemui di majlis

penyampaian hadiah pertandingan oleh Timbalan Naib Canselor (TNC BJIM), Profesor Dato' Dr See Ching Mey.



Pertandingan tersebut telah dijalankan bermula bulan April-Ogos 2014 dan telah menerima 27 perteyaraan bertemakan "Engaging Minds & Souls".

"Pertandingan ini bertujuan untuk mengetengahkan aktiviti jaringan dan libatsama komuniti/industri yang dilaksanakan oleh pelajar dan staf USM melalui video pendek dalam versi paling kreatif," ujar Pengarah Jaringan Komuniti, Syed Yusof Syed Kechik.

"Pertandingan ini juga merupakan salah satu platform untuk mempromosikan USM secara global melalui video-video yang disiarkan dalam youtube,"tambah beliau.



Hadiah tempat kedua (RM750) dimenangi oleh Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Profesor Dr Mohd Nordin Adlan melalui video bertajuk Water Supply & Sanitation for Underprivileged Community manakala video bertajuk Vocational Training memenangi RM300 melalui Video Paling Banyak ditonton.

Turut disampaikan adalah empat hadiah saguhati dan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM200.



Video-video yang dihantar boleh ditonton melalui :-

https://www.youtube.com/watch?v=jCjI_86Lnd4 (https://www.youtube.com/watch?v=jCjI_86Lnd4)
(https://www.youtube.com/watch?v=jCjI_86Lnd4)

<https://www.youtube.com/watch?v=eE2h0bJrfRU> (https://www.youtube.com/watch?v=eE2h0bJrfRU)
(https://www.youtube.com/watch?v=eE2h0bJrfRU)

Teks: Nor Rafizah Md Zain / Foto: Mohamad Danial Shahri



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my \(mailto:pro@usm.my\)](mailto:pro@usm.my)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015